

6 Februari 2017

SIARAN MEDIA

KM LANCAR APLIKASI ‘myPBA’ UNTUK PENGGUNA PERANTI MUDAH ALIH DI PULAU PINANG

- **Aplikasi mudah alih baru PBAPP untuk pengguna air Pulau Pinang**
- **Direka bagi penggunaan telefon pintar dan tablet**
- **Boleh didapati di *Google Play Store* dan *Apple App Store***
- **myPBA menyediakan jalinan perhubungan dan kemudahan kepada pelanggan**

PULAU PINANG, Isnin (6/2/2017): Pengguna-pengguna air berdaftar di Pulau Pinang kini boleh menggunakan peranti mudah alih pintar untuk membuat pembayaran bil air, membuat laporan dan mengakses informasi terkini perkhidmatan bekalan air.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng secara rasminya melancarkan aplikasi ‘myPBA’ Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP’s) di Komtar hari ini.

Aplikasi ini boleh didapati dan dimuat turun secara percuma dari *Google Play Store* (untuk peranti Android) dan *App Store* (untuk pengguna peranti Apple iOS)

5 fungsi utama aplikasi ‘myPBA’:

1	Paparan akaun air secara dalam talian.
2	Pembayaran bil air mudah alih (melalui akaun perbankan elektronik).
3	Melaporkan kejadian paip pecah atau perkhidmatan bekalan air di mana-mana, pada bila-bila masa.
4	Memaparkan notis awam penting dari PBAPP.
5	Mengakses informasi dan berita berkenaan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

YAB Tuan Lim menyambut baik pelancaran aplikasi ini sebagai platform mudah alih untuk pengguna Pulau Pinang untuk berinteraksi secara

berkesan dengan PBAPP.

“Saya gembira menyatakan bahawa ‘myPBA’ adalah sebuah aplikasi interaktif. Ia direka bentuk untuk membolehkan komunikasi dua hala antara PBAPP dan untuk seramai mana pengguna air Pulau Pinang yang boleh,” katanya pada majlis pelancarannya di Komtar di sini hari ini.

“MyPBA’ membolehkan PBAPP memberikan maklumat penting kepada orang ramai melalui peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Aplikasi ini juga berfungsi sebagai platform untuk orang ramai membuat laporan segera paip pecah dan kebocoran air, dan juga untuk berkomunikasi secara langsung dengan PBAPP mengenai perkhidmatan bekalan air,” kata YAB Tuan Lim.

Menyedari bahawa pengguna kini boleh membayar bil air Pulau Pinang di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti mudah alih, Ketua Menteri berkata ‘myPBA’ juga menyokong manfaat Cekap, Kebertanggungjawaban dan Telus, atau, CAT, seperti yang dipromosikan oleh Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008.

YAB Tuan Lim berkata Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang melaksanakan dasar ‘Tiada Catuan Air, berdasarkan pendekatan 3 serampang:

1	Mewartakan Kawasan Tadahan Air	<p>Sebanyak 62.9 kilometer persegi hutan di Pulau Pinang telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air.</p> <p>Langkah ini sejajar dengan dasar ‘Pulau Pinang yang lebih hijau dan sihat’, tidak seperti sesetengah negeri di mana 100,000 hektar hutan telah ditarah untuk pembalakan.</p>
2	Dasar Pengurusan Bekalan Air Sukar	<p>Pada 2016 sahaja, PBAPP telah melabur sebanyak RM89.5 juta dalam projek-projek seperti Pakej 12 Loji Rawatan Air Sungai Dua, Stesen Pam Bukit Dumbar 2, Kolam Air Baru Jawi dan saluran paip air tambahan.</p> <p>Sementara itu, Projek Pembesaran Empangan Mengkuang bernilai RM1.2 bilion, yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, telah ditangguhkan dan hanya akan siap pada Julai</p>

		<p>tahun ini. Ia mungkin mengambil masa sehingga 2 tahun lagi untuk mengisi empangan berkenaan.</p> <p>Dalam tempoh 2017 hingga 2019, PBAPP akan terus melabur dalam projek-projek infrastruktur air di Pulau Pinang untuk memastikan tiada catuan air sehingga Empangan Mengkuang digunakan sepenuhnya dan diserahkan kembali kepada Pulau Pinang.</p>
3	Mempertingkatkan Kemampuan Pengurusan	<p>PBAPP juga telah menambah baik pencapaian dan produktiviti, berdasarkan prinsip-prinsip CAT.</p> <p>PBAPP memenangi anugerah antarabangsa <i>ASEAN Award of Engineering Excellence</i> pada tahun 2015, dan telah diiktiraf oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebagai “<i>Water Supply Operator of the Year</i>” pada tahun 2013.</p> <p>Berdasarkan prinsip CAT, PBAPP memberi perkhidmatan sebagai pembekal air yang cekap, profesional dan bebas rasuah di Pulau Pinang.</p>

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa berkata dua objektif utama pelancaran aplikasi ‘myPBA’ adalah jalinan perhubungan dan kemudahan kepada pelanggan.

“myPBA adalah inovasi terkini layanan pelanggan PBAPP untuk manfaat dan kemudahan 589,797 pengguna berdaftar di Pulau Pinang.

“Kami tahu dalam dunia yang ‘saling berhubung’ kini, kebanyakan rakyat Pulau Pinang lebih gemar menggunakan telefon pintar dan tablet terkini setiap hari. Jadi, kami melancarkan aplikasi mudah alih untuk peranti pintar hari ini yang membolehkan pelanggan kami ‘berhubung’ dengan lebih berkesan dengan kami,” kata beliau.

Dato’ Ir. Jaseni berkata aplikasi ini direka agar lebih mesra pengguna dan intuitif, sejajar dengan motto layanan pelanggan PBAPP: ‘mesra, prihatin dan responsive’.

“Kami mewujudkan aplikasi ini untuk semua pelanggan kami di Pulau Pinang. Kami berharap anda akan menggunakannya untuk berhubung dengan PBAPP dengan lebih berkesan lagi,” tambah beliau lagi.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my